

Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i: Kempen *Kickstart*

Tempoh Kempen

“Kempen *Kickstart*” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (“**HLISB**”) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada 22 Julai 2019 dan tamat pada 31 Oktober 2019, (“**Tempoh Kempen**”) kecuali dimaklumkan sebaliknya.

Terma & Syarat

Berikut adalah terma dan syarat yang berkuatkuasa ke atas Kempen (“T&S”):-

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada semua individu warganegara Malaysia yang merupakan pemegang akaun Bank sedia ada dan baharu (“**Pelanggan**”) yang memenuhi kriteria kelayakan yang berikut:
 - (a) Berumur antara 21 – 60 tahun;
 - (b) Bekerja bergaji atau bekerja sendiri dengan pendapatan minimum Dua Puluh Empat Ribu Ringgit Malaysia (RM24,000) setahun;
 - (c) Tidak mempunyai sebarang baki tunggakan atas mana-mana Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB sedia ada sebelum Tempoh Kempen (berkenaan kepada Pelanggan sedia ada sahaja).

2. Berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen:
 - (a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau Pelanggan yang telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
 - (b) Pelanggan yang telah dikenalpasti Bank sebagai mempunyai potensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang termaktub di dalam Terma dan Syarat.
 - (c) Kakitangan tetap dan mempunyai kontrak dengan Bank.
 - (d) Pelanggan sedia ada yang memegang lebih daripada satu Kemudahan (definisi tertakluk di bawah) sedia ada dengan pihak Bank.

Mekanik Kempen

3. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan dikehendaki memenuhi terma yang berikut sepanjang Tempoh Kempen:
 - (a) Memohon untuk sekurang-kurangnya satu daripada produk berikut semasa Tempoh Kempen untuk tempoh dua hingga lima (2-5) tahun tempoh pembiayaan (“**Tempoh Kemudahan**”):-

	Amaun Kemudahan Dipohon (RM)	
	Amaun Minima	Amaun Maksima
Pinjaman Peribadi HLB	5,000	250,000
Pembiayaan Peribadi-i HLISB	5,000	150,000
Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki HLB	5,000	250,000
Pembiayaan Peribadi- Penggabungan Baki HLISB	5,000	150,000

*Untuk mengelakkan dari keraguan, amaun Kemudahan yang dipohon tidak semestinya bersamaan dengan amaun Kemudahan diluluskan.

Pinjaman Peribadi HLB dan Pembiayaan Peribadi-i HLISB secara kolektifnya dikenali sebagai “**Kemudahan PL**”, manakala Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki HLB dan Pembiayaan Peribadi-i Penggabungan Baki HLISB secara kolektifnya dikenali sebagai “**Kemudahan PLC**” (Kedua-kedua Kemudahan PL dan Kemudahan PLC akan dikenali sebagai “**Kemudahan**”).

(b) Permohonon untuk Kemudahan dihantar melalui mana-mana satu saluran permohonan berikut:

Saluran	Platforms
Luar Talian	Cawangan Bank, Terminal am:pm, Jualan Terus, Jualan Telefon
Laman Sesawang	Laman Sesawang Bank di www.hlb.com.my atau www.hlisb.com.my
Connect	Perbankan Dalam Talian Hong Leong Connect

Untuk mengelakkan daripada keraguan, Pelanggan yang memilih untuk membuat permohonan melalui saluran Connect dan Terminal am:pm mesti memenuhi semua kriteria di bawah:

- (i) Mempunyai akaun semasa/akaun semasa-i dan/atau akaun simpanan/simpanan-i individu Hong Leong yang sah dan aktif (secara kolektif dirujuk sebagai “**CASA/CASA-i Hong Leong**”);
- (ii) Tidak memegang sebarang Kemudahan sedia ada dengan Bank; dan
- (iii) Pengguna Connect berdaftar. (terpakai untuk permohonan melalui saluran Connect)

(c) Untuk tujuan Kempen ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria di Klausa 3 di atas akan dirujuk sebagai “**Pelanggan Layak**”.

A. Kadar Faedah/Keuntungan Yang Dikenakan untuk Kemudahan

4. Pelanggan Layak yang permohonan untuk Kemudahan telah diluluskan dan disalurkan selewatnya 30 November 2019 layak untuk menikmati kadar faedah/keuntungan rata dan Rebat Bayar Tepat pada Masa mengikut cara yang tertera di Jadual 1 bergantung kepada saluran permohonan, jenis Kemudahan dan amaun Kemudahan diluluskan:

Jadual 1

Saluran Permohonan	Jenis Kemudahan	Kadar Faedah/Keuntungan Rata yang Dikenakan	Tempoh Kemudahan	Amaun Kemudahan Diluluskan	Rebat Bayar Tepat pada Masa
Perbankan Dalam Talian Hong Leong Connect	Kemudahan PL	4.80% setahun	2 hingga 5 tahun	RM5,000 – RM250,000	Tidak berkenaan

Laman Sesawang Bank	Kemudahan PL	6.00% setahun			Tidak berkenaan
Laman Sesawang Bank & Luar Talian	Kemudahan PLC	<i>Kadar lembaga berkenaan seperti yang tertakluk di Klausula 5</i>	2 hingga 5 tahun	RM5,000 – RM250,000	30%
Luar Talian	Kemudahan PL	9.00% setahun	2 to 5 tahun	RM5,000 – RM49,000	30%
				RM50,000 – RM99,000	40%
				RM100,000 – RM250,000	50%

Nota: Kadar faedah/keuntungan efektif berbeza seperti yang berikut bergantung kepada tempoh pinjaman/pembiayaan-i dari 2 – 5 tahun:

- (i) Kadar rata 4.80% setahun – Kadar faedah/keuntungan efektif berkisar dari 8.81% setahun hingga 8.96% setahun
- (ii) Kadar rata 6.00% setahun – Kadar faedah/keuntungan efektif berkisar dari 10.85% setahun hingga 11.13% setahun
- (iii) Kadar rata 9.00% setahun – Kadar faedah/keuntungan efektif berkisar dari 15.71% setahun hingga 16.43% setahun

5. Kadar promosi rata yang dikenakan seperti yang tertakluk di Klausula 4 adalah TIDAK berkenaan untuk Kemudahan PLC. Dimana untuk Kemudahan PLC, kadar lembaga berkenaan di mana Kadar Faedah/Keuntungan Efektif (“EIR”) atas Kemudahan PLC hendaklah maksimum 2% setahun lebih rendah daripada EIR gabungan atas caj faedah/keuntungan digabungkan untuk baki kemudahan kad kredit dan pembiayaan peribadi sedia ada Pelanggan Layak dengan kadar faedah/keuntungan rata minimum 7.50% setahun.
6. Pelanggan Layak yang telah membuat permohonan untuk Kemudahan semasa Tempoh Kempen dimana Kemudahan diluluskan dan disalurkan oleh Bank pada/sebelum 31 November 2019 dan membayar ansuran bulanan untuk Kemudahan pada/sebelum tarikh matang setiap bulan semasa Tempoh Kemudahan (“**Pelanggan Memenuhi Syarat**”) akan layak menerima Rebat Bayar-Tepat-Masa di atas jumlah kadar faedah/keuntungan yang perlu dibayar (“**Rebat**”) seperti mana yang tertakluk di Jadual 1 di atas.
7. Rebat akan dibayar setiap bulan kepada Pelanggan Memenuhi Syarat selepas tarikh matang ansuran bulanan bulan ketujuh (7) dan bulan berikutnya sehingga bulan keenam (6) sebelum

ansuran terakhir untuk Kemudahan (“Tempoh Rebat”). Oleh itu, Tempoh Rebat akan sentiasa 12 bulan kurang daripada Tempoh Kemudahan.

Sebagai contoh, untuk Kemudahan 60 bulan, Tempoh Rebat efektif ialah 48 bulan.

- Ilustrasi ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk amaun Kemudahan PL diluluskan sebanyak RM5,000 yang diambil sepanjang Tempoh Kemudahan 5 tahun dengan Rebat berkenaan 20% adalah seperti yang diilustrasikan di Jadual 2 di bawah:

Jadual 2

Amaun Kemudahan PL Diluluskan*	Tempoh Kemudahan PL (Tahun)	Kadar Faedah/Keuntungan (setahun) atas Amaun Kemudahan PL Diluluskan	Jumlah Faedah/Keuntungan Yang Perlu Dibayar sepanjang Tempoh Kemudahan	Ansuran Bulanan semasa Tempoh Biasa**
(a)	(b)	(c)	(d) = a x b x c	(e) = (a+d) / (b x 12)
RM5,000	5	9.00% setahun	RM2,250	RM125

*0.50% daripada Amaun Kemudahan Diluluskan akan ditolak daripada Kemudahan semasa penyaluran untuk cukai setem yang perlu dibayar atas Kemudahan.

**Ansuran akan dibundarkan ke atas kepada RM5 terdekat.

- Pengiraan untuk ansuran bulanan yang perlu dibayar selepas Rebat semasa Tempoh Rebat adalah seperti diilustrasikan di Jadual 3 di bawah:


Jadual 3: Ilustrasi ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk amaun Kemudahan PL diluluskan sebanyak RM5,000 yang diambil sepanjang tempoh 5 tahun (Merujuk kepada Jadual 2 di atas)

Rebat 30% atas Jumlah Faedah/Keuntungan yang Perlu Dibayar Sepanjang Tempoh Kemudahan PL	Rebat Bulanan yang akan diterima sepanjang Tempoh Rebat	Ansuran bulanan selepas Rebat semasa Tempoh Rebat (dibundarkan ke atas ke RM5 terdekat)
(a)	(b) = (a)/Tempoh Rebat	(c) = Ansuran Bulanan – (b)
RM2,250* x 30% = RM675	RM675/48bulan = RM14	RM125** – RM14 = RM115

*Jumlah faedah/keuntungan yang perlu dibayar atas Tempoh Kemudahan seperti yang diilustrasikan di Jadual 2

**Ansuran bulanan yang diilustrasikan di Jadual 2. Ansuran bulanan selepas Rebat akan dibundarkan ke atas ke RM5 terdekat.

Gambaran visual ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk amaun Kemudahan PL diluluskan sebanyak RM5,000 yang diambil sepanjang tempoh 5 tahun dengan Rebat berkenaan 30% sepanjang tempoh Kemudahan PL:



Nota: Tempoh Rebat diwakili oleh kawasan yang bewarna biru.

10. Pelanggan Memenuhi Syarat yang layak menerima Rebat akan dimaklumkan oleh Bank pada bulan keenam (6) Tempoh Kemudahan, berdasarkan alamat terkini yang dibekalkan oleh Pelanggan Memenuhi Syarat seperti yang terdapat di dalam rekod Bank.
11. Ia merupakan tanggungjawab Pelanggan Memenuhi Syarat untuk memaklumkan Bank secara bertulis selewat-lewatnya satu (1) bulan dari tarikh matang ansuran bulanan bulan ketujuh (7) dan/atau bulan-bulan berikutnya jika tidak menerima Rebat bulanan. Sekiranya gagal berbuat demikian, Pelanggan Memenuhi Syarat akan dianggap sebagai telah menerima Rebat dari Bank dan sebarang pertikaian atau permintaan untuk pembayaran balik Rebat tidak akan dilayan oleh Bank.
12. Kelayakan Pelanggan Memenuhi Syarat untuk menerima Rebat akan dibatalkan dan bayaran Rebat berikutnya akan dihentikan segera sekiranya salah satu daripada situasi yang berikut berlaku:
 - a. Pelanggan Memenuhi Syarat gagal membayar sebarang ansuran bulanan untuk Kemudahan sebelum/pada tarikh matang atau mana-mana jumlah lain yang dihutang di bawah dan berkait dengan Kemudahan apabila diminta oleh Bank;
 - b. notis penyelesaian awal diberi oleh Pelanggan Memenuhi Syarat sebelum kematangan Tempoh Kemudahan; atau
 - c. Pelanggan Memenuhi Syarat telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan yang berkaitan dengan penggunaan Kemudahan PL dan/atau Kemudahan PLC.

B. Bayaran Bonus untuk Kemudahan PLC

13. Pelanggan yang memenuhi kriteria di bawah akan layak menerima bayaran sebanyak Satu Ribu Ringgit Malaysia sahaja (RM1,000.00) ("**Bayaran**") kepada CASA/CASA-i Hong Leong mereka:
 - (a) Mengemukakan sekurang-kurangnya satu Penyata Kad Kredit dari mana-mana Bank di Malaysia selain dari Bank ("**Penyata Kad Kredit**") kepada mana-mana kakitangan jualan Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i Bank (cawangan Bank, kumpulan Jualan Terus dan kumpulan Jualan Telefon);
 - (b) Tarikh Penyata Kad Kredit tidak harus lebih awal daripada 1 Januari 2019. Mana-mana Penyata Kad Kredit sebelum 1 Januari 2019 tidak akan diterima Bank;
 - (c) Baki tunggakan seperti ternyata di Penyata Kad Kredit merujuk kepada bayaran runcit dan/atau bayaran dalam talian sahaja. Sebarang jualan portfolio, sebagai contoh, Pindahan Baki, *Call for Cash* atau pertukaran kepada pelan bayaran adalah tidak diguna pakai untuk menentukan kelayakan menerima Bayaran; dan

- (d) Tidak dapat sebarang penjimatan faedah/keuntungan apabila menggabungkan baki tunggakan kad kredit mereka dengan Kemudahan PLC berdasarkan kalkulator Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i.

Untuk tujuan Kempen ini, Pelanggan yang memenuhi semua kriteria di Klausula 13 di atas akan dirujuk sebagai “**Pelanggan Berjaya**”.

14. Maksimum tiga puluh (30) Pelanggan Berjaya akan layak menerima Bayaran sepanjang Tempoh Kempen atas dasar siapa cepat dia dapat bergantung kepada tarikh penghantaran Penyata Kad Kredit mereka.
15. Pelanggan Berjaya akan menerima panggilan daripada Bank untuk memaklumkan mereka tentang kelayakan menerima Bayaran selewatnya 30 hari dari tarikh penghantaran Penyata Kad Kredit.
16. Bayaran akan dikreditkan kepada CASA/CASA-i Hong Leong kepunyaan Pelanggan Berjaya seperti yang dibekalkan oleh Pelanggan Berjaya selewatnya pada 31 Disember 2019 dan Bayaran tidak harus dipindahkan kepada pihak ketiga. Untuk tujuan inisiatif ini, Pelanggan Berjaya mesti membekalkan nombor CASA/CASA-i Hong Leong yang sah. Jika tidak, Bayaran akan dikreditkan kepada nombor CASA/CASA-i Hong Leong seperti yang terdapat di rekod Bank.
17. Oleh itu, ia merupakan kewajipan Pelanggan Berjaya untuk membekalkan nombor akaun CASA/CASA-i Hong Leong dan nombor telefon bimbit yang terkini, sah dan tepat kepada pihak Bank semasa penghantaran Penyata Kad Kredit dan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bayaran gagal diterima dan pihak Bank tidak akan membayar balik Bayaran kepada Pelanggan Berjaya.
18. Sekiranya Pelanggan Berjaya gagal menerima Bayaran dalam lingkungan masa yang tertakluk di Klausula 16 di atas, Pemenang harus memaklumkan pihak Bank secara bertulis selewatnya pada 31 Januari 2020. Sekiranya gagal berbuat demikian, Pelanggan Berjaya akan dianggap telah menerima Bayaran dan pihak Bank tidak akan memikul sebarang tanggungjawab atas kegagalan menerima Bayaran dan pihak Bank tidak akan membayar balik Bayaran kepada Pelanggan Berjaya.

Umum

19. Dengan menyertai kempen in, Pelanggan dengan ini:
 - i. bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk di sini dan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i HLISB;
 - ii. bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh [Notis Privasi Bank](#);
 - iii. bersetuju untuk melawat Laman Sesawang Bank pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan untuk mengikut sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S;
 - iv. bersetuju membekalkan semua dokumen berkaitan yang mungkin diminta oleh Bank tepat pada masanya supaya Kemudahan dapat diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 30

November 2019 dan Bank tidak akan bertanggungjawab jika Kemudahan tidak dapat disalurkan sebelum/pada 30 November 2019 untuk sebarang sebab sekalipun;

- v. bersetuju bahawa keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Kemudahan dan/atau amaun Kemudahan diluluskan) adalah muktamad, akhir dan mengikat dan sebarang surat-menyurat selanjutnya dan/atau rayuan untuk mempertikai keputusan tersebut tidak akan dilayan
- vi. bersetuju akan memikul tanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, caj kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkait dengan penyertaan mereka dalam Kempen;
- vii. setuju bahawa Bank diberi kuasa untuk menerbitkan dan memaparkan nama Pelanggan dan nombor IC (dalam bentuk bertopeng) di Laman Sesawang Bank untuk tujuan Kempen.

20. Bank berhak untuk:

- i. menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang diserahkan mengikut budi bicara mutlaknyanya tanpa memberikan sebarang sebab;
- ii. membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini mengikut budi-bicara mutlaknyanya;
- iii. menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini atas budi bicara mutlaknyanya, dengan memberi notis awal kepada Pelanggan menggunakan cara memaparkannya di Laman Sesawang Bank, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.
- iv. meminda dan/atau menggantikan Bayaran yang terdapat di sini dengan hadiah alternatif yang bersamaan harga mengikut budi bicara mutlaknyanya dengan cara memaparkan di Laman Sesawang Bank atau mana-mana cara lain yang dianggap praktikal oleh pihak Bank supaya dapat memberi notis awal kepada Pelanggan.

21. T&S yang terkandung di sini dan [Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB](#) hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB, T&S spesifik di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.

22. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.

23. T&S yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

24. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan mufrad termasuk jamak dan sebaliknya.